

Kerelevanan Maklumat Rizab Penyamaan Keuntungan dalam Syarikat Induk Perbankan Islam di Malaysia

(Value Relevance of Profit Equalization Reserve in the Malaysian Islamic Bank Holding Companies)

Temson Tunick
(Jabatan Perdagangan, Politeknik Kota Kinabalu)
Norman Mohd Saleh
(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

ABSTRAK

Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK), ialah peruntukan rizab daripada keuntungan semasa keadaan baik untuk digunakan dalam keadaan pasaran yang tidak begitu baik. Dalam institusi kewangan Islam, konsep perkongsian keuntungan digunakan dalam kebanyakan kontrak kerana faedah atau riba' tidak dibenarkan. Apabila pulangan dalam institusi kewangan konvensional yang berasaskan kadar yang tetap adalah tinggi, terdapat kecenderungan bagi institusi kewangan Islam (sebagai Mudharib) untuk mengorbankan bahagian keuntungan yang diperolehinya untuk membayar pulangan yang kompetitif kepada pelaburnya. Justeru, RPK dibenarkan dalam institusi kewangan Islam oleh pihak berkuasa untuk memastikan institusi berkenaan mempunyai rizab yang cukup untuk digunakan pada ketika prestasi yang tidak begitu baik, dan mengekalkan pelanggannya. Walaupun kajian lepas mendapati pelabur mendiskaun harga saham akibat daripada amalan pengurusan perolehan, manfaat kelebihan bersaing kepada institusi kewangan Islam dengan adanya RPK boleh menterbalikkan atau mengurangkan kesan ini. Jadi, terdapat persoalan sama ada pelabur menganggap maklumat RPK ini sebagai relevan kepada keputusan mereka. Kajian ini memeriksa kerelevanan nilai RPK kepada pelabur. Tambahan lagi, kajian ini juga menyiasat kesan peraturan baharu untuk RPK yang telah dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2011. Peraturan baharu ini mencadangkan pelakuan perakaunan yang berbeza antara peruntukan yang dibuat oleh pelabur dan Mudharib yang memberi kesan terhadap penyata kewangan dan akhirnya pertimbangan pelabur. Menggunakan data syarikat induk bank tersenarai di Bursa Malaysia dari tahun 2001 ke-2014 iaitu 102 pemerhatian, dapatan kajian menunjukkan peruntukan RPK berkait secara negatif kepada harga saham. Hubungan ini lebih kuat selepas penguatkuasaan garis panduan yang baharu. Selari dengan kajian lepas, ini mencadangkan RPK dipandang sebagai alat untuk mengurus perolehan. Implikasinya, pihak penggubal undang-undang harus memandang serius dalam keputusan sama ada untuk memberhentikan atau meneruskan amalan peruntukan RPK ini. Walaupun tujuannya baik, ia berpotensi disalahgunakan oleh pihak pengurusan untuk mengurus perolehan dan pulangan bank. Berikutan penggunaan garis panduan baharu pada tahun 2011, perkaitan RPK dan harga saham adalah semakin kuat.

Kata kunci: Kerelevanan nilai; pelicinan pendapatan; rizab penyamaan keuntungan; institusi kewangan Islam.

ABSTRACT

Profit equalization reserve (PER) is a reserve allocated from profit during good times to be used during difficult times. In Islamic financial institutions, the concept of profit sharing is used in most contracts because interest or riba' is prohibited. When return in the conventional financial institutions which is based on a predetermined rate is high, there is a tendency for the Islamic financial institutions (as Mudharib) to sacrifice their share of profit in order to pay a rate of return equivalent to a competitive rate of return. As such, PER is allowed by the authorities in Islamic financial institutions to make sure they have enough reserves to be used during difficult times, and be able to retain their customer base. Although prior literature found investors discount prices due to earnings management practices, the benefit of competition advantage to the Islamic financial institutions by having PER could reverse or off-set the effect. Thus, there is a question whether investors regard this information as relevant in their decision making. This study examines the relevance of the PER financial information to investors. In addition, this study also investigates the effect of a new guideline on PER imposed by the central bank of Malaysia i.e. Bank Negara Malaysia (BNM) in 2011. The new guideline of PER implementation suggests different treatment of PER provision by investors and PER by Mudharib that affect items in the financial statements and subsequently investors judgment. Using data of listed bank holding companies from 2001 to 2014 i.e. 102 observations, the findings show PER provision is negatively related to share prices. This relationship is stronger after enforcement of the new guideline. Consistent to prior literature, this suggests PER is perceived as a tool to manage earnings. The implication is that the regulator has to give serious attention in the decision either to stop or continue the use of PER provision. Although the objective is good for the bank, it can potentially be misused by the management to manage bank's earnings and return. Following the adoption of new guidelines in 2011, the relationship between PER provided and share prices has been strengthened.

Keywords: Value relevance; smoothen earnings; profit equalization reserve; Islamic financial institutions.

PENDAHULUAN

Penggunaan dua sistem kewangan (Islam dan konvensional) di Malaysia menyebabkan wujudnya persaingan dalam meraih dana melalui pelaburan modal. Institusi kewangan Islam menghadapi kesukaran untuk bersaing dengan institusi kewangan konvensional kerana a) institusi kewangan konvensional lebih awal beroperasi dan mempunyai modal yang kukuh, dan b) pematuhan pada undang-undang *Shariah* yang menggunakan mekanisme perkongsian keuntungan berbanding sistem konvensional berasaskan faedah. Dalam keadaan yang kedua, institusi perbankan Islam dikehendaki memberikan pulangan berdasarkan pada kadar keuntungan yang dipersetujui pada awal kontrak antara pihak pengurusan bank Islam (*mudharib*) dan pelabur. Pada ketika ekonomi yang lemah dan keuntungan entiti yang rendah, pulangan pelaburan institusi kewangan Islam akan menjadi lebih rendah berbanding kadar faedah tetap yang diberikan oleh sektor kewangan konvensional. Ini memberikan kelebihan kepada institusi kewangan konvensional. Berdasarkan rasional pelabur, pelabur sektor kewangan Islam mungkin akan bertindak untuk memindahkan pelaburan mereka kepada sektor kewangan konvensional untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi. Pemindahan pelaburan ini boleh menyebabkan kesan negatif terhadap perkembangan industri kewangan Islam. Demi menghalang pemindahan pelaburan berlaku, telah dicadangkan untuk pihak *mudharib* mengorbankan sebahagian keuntungan mereka untuk menambahbaik pulangan kepada pelabur. Oleh yang demikian pada tahun 2001, Bank Negara Malaysia (BNM) telah bersetuju untuk membenarkan institusi perbankan Islam di Malaysia untuk melaksanakan satu mekanisme iaitu Rizab Penyamaan Keuntungan (RPK) agar keuntungan *mudharib* boleh diagihkan kepada pelabur dalam keadaan tertentu (Htay & Ahmed Salman 2013).

Pelaksanaan RPK adalah sah di sisi undang-undang. Di samping mencapai objektif untuk bersaing dengan institusi kewangan konvensional, RPK boleh juga digunakan oleh pihak *mudharib* untuk tujuan pengurusan perolehan khususnya berasaskan insentif-insentif lain yang memberi manfaat kepada mereka seperti bonus (seperti kajian Bergstresser & Philippon 2006) atau memenuhi sasaran harga saham oleh juruanalisa (Dhaliwal, Gleason & Watt 2004). Hal ini akan menyebabkan pelaporan pendapatan yang tidak selari dengan pendapatan sebenar. Statistik pendapatan tahunan yang licin pula membolehkan pelabur membuat ramalan yang lebih tepat berkenaan dengan prospek pelaburan dalam sektor kewangan Islam di Malaysia. Justeru itu kajian ini ingin melihat sama ada maklumat kewangan RPK ini adalah relevan nilai terhadap pelabur atau tidak. Di samping itu, kerana terdapat penambahbaikan dalam garis panduan perakaunan bagi RPK yang diperuntukkan pelabur *vis-a-vis mudharib* pada tahun 2011, kajian ini juga ingin melihat kesan pemakaian garis panduan baru oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) itu terhadap tahap kerelevanan nilai maklumat RPK.

Kajian lepas mendapati pelabur menilai pengurusan perolehan sebagai suatu yang tidak relevan (Kousenidis, Negakis & Papanastasiou 2003; Anandarajan, Hasan & McCarthy 2006) atau hanya relevan dalam keadaan krisis (Ahmed et al. 2013). Manakala Whelan (2004), Ahmed dan McMartin (2013) serta Dacorogna et al. (2013) mendapati pendapatan yang licin adalah relevan kepada pelabur. Namun, konteks kajian lepas adalah dalam keadaan pengurusan perolehan merupakan suatu tindakan yang tidak digalakkan. Kajian ini menyumbang kepada ilmu kerana amat kurang kajian yang meneliti kerelevanan maklumat pelicinan pendapatan (satu cabang pengurusan perolehan) yang dibenarkan undang-undang dan boleh mendatangkan kesan positif kepada persaingan institusi. Konteks di Malaysia yang memperuntukkan keperluan RPK untuk perbankan Islam merupakan suatu konteks yang unik dan tidak terdapat di mana-mana negara. Justeru, kajian ini dimotivasikan oleh lompang dalam aspek teoritikal iaitu sama ada kesan positif amalan pengurusan perolehan melalui pelicinan pendapatan secara umumnya boleh menjustifikasi amalan berkenaan dari sudut pelabur. Perkara ini penting untuk dikaji kerana sekiranya pelicinan pendapatan yang dibenarkan adalah baik dan relevan kepada pelabur, ia harus dipertimbangkan untuk diteruskan.

Bahagian seterusnya membincangkan kajian lepas diikuti pula dengan bahagian mengenai teori dan kerangka kerja konseptual. Bahagian keempat membentangkan kaedah kajian, seterusnya hasil kajian dipersembahkan. Bahagian terakhir menyimpulkan dapatan kajian, batasan dan kajian masa hadapan.

KAJIAN LEPAS

Kajian ini secara tidak langsung turut melihat isu pelaksanaan RPK dari perspektif pengurusan perolehan. Ini kerana pelaksanaan RPK juga merupakan satu strategi pelicinan pendapatan dan hasil dari pelicinan pendapatan ini turut mempunyai kesan pada pelabur. Walaubagaimanapun, fokus kajian ini adalah isu kerelevanan maklumat, namun isu pelicinan pendapatan dengan menggunakan RPK turut dibincangkan untuk menyokong hipotesis kajian.

Pengurusan perolehan adalah satu proses di mana suatu tindakan yang masih dianggap berada dalam lingkungan prinsip perakaunan yang diterima umum (GAAP) dilaksanakan dengan sengaja atau dengan niat untuk mendapatkan tahap perolehan yang dikehendaki (Davidson, Stickney & Weil 1987). Antara tindakan yang sering diambil dalam pengurusan perolehan ialah pelicinan pendapatan. Beattie et al. (1994) mendefinisikan pelicinan pendapatan sebagai pengurangan kepelbagaian tahap pendapatan dalam suatu tempoh sama ada panjang atau singkat. Holthausen (1990) kemudiannya mengenal pasti beberapa perspektif terhadap pilihan perakaunan dan tabiat pelicinan pendapatan; (1) tabiat bersifat oportunistik, (2) kecekapan kontrak dan (3) perspektif pemakluman

maklumat. Perspektif tabiat bersifat oportunistik merujuk kepada bagaimana pihak pengurusan sesebuah firma dianggap akan berusaha memaksimumkan faedah-faedah peribadi seperti kesinambungan kerjaya, skim pembayaran upah dan emolument berdasarkan prestasi firma dan kenaikan harga saham syarikat jika turut memegang saham dalam syarikat tersebut. Perspektif kecekapan kontrak pula merujuk kepada bagaimana keputusan yang akan meminimumkan kos agensi berkemungkinan menyebabkan perlakuan pengurusan perolehan. Kajian kerelevanan nilai berkait rapat dengan perspektif pelicinan pendapatan yang ketiga iaitu perspektif pemakluman maklumat. Perspektif ini menjelaskan bagaimana pelicinan pendapatan dianggap sebagai satu strategi dalam pengurusan perolehan. Berdasarkan kepada tanggapan bahawa wujud ketidaksimetrian maklumat antara pelabur dan penyedia maklumat penyerta kewangan, pulangan pendapatan yang telah dilicinkan dapat memberikan faedah kepada pemegang saham sedia ada dalam firma (Beattie et al. 1994).

Dalam sektor perbankan di Malaysia, pihak pengurusan bank berkemungkinan memanipulasikan maklumat kewangan bagi mengisyaratkan tujuan-tujuan tertentu. Sebagai contoh Ismail dan Tan Be Lay (2002) melaporkan bahawa bank-bank Malaysia melaksanakan pengurusan pendapatan ketika dilanda krisis ekonomi dari tempoh 1997 hingga 1999 dengan menggunakan Peruntukan Kerugian Pembiayaan (PKP). Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Misnan dan Ahmad (2011) dalam kajian mereka terhadap penggunaan PKP oleh bank-bank di Malaysia, di mana dapatan kajian tersebut melaporkan bukti yang menunjukkan bahawa bank-bank di Malaysia menggunakan PKP untuk mendapatkan faedah dalam pengurusan perolehan dan tujuan permodalan. Ahmed, Takeda dan Thomas (1999) misalnya melihat kepada penggunaan PKP dalam kalangan institusi perbankan dalam kajian mereka. Kajian mereka tidak mendapat bukti yang menunjukkan bahawa PKP digunakan untuk pengurusan perolehan. Namun bagi tempoh yang dikaji oleh kajian ini, terdapat perubahan dalam peraturan atau syarat kecukupan modal dan kajian ini telah mendapat bukti bahawa PKP telah digunakan bagi tujuan pengurusan permodalan. Dapatan kajian-kajian ini menunjukkan bahawa institusi perbankan cenderung menggunakan peruntukan yang membolehkan perolehan atau keuntungan dialihkan sebagai alat untuk melaksanakan pengurusan perolehan. Merujuk kepada sektor perbankan Islam secara khusus, Taktak, Zouari dan Boudriga (2010) memberikan pendapat bahawa kajian pelicinan pendapatan dalam sektor perbankan Islam adalah satu sub bidang kajian yang wajar dikaji. Ini kerana sistem perbankan Islam mempunyai keunikan dari segi pematuhan kepada undang-undang syariah dan mekanisme kadar perkongsian untung dan rugi dalam kontrak mudharabah. Taktak et al. (2010) turut menjelaskan bahawa dengan keizinan melaksanakan RPK daripada badan piawai perbankan Islam di negara masing-masing, bank-bank dalam sektor perbankan Islam mempunyai alternatif kepada penggunaan PKP dalam melaksanakan

pelicinan pendapatan. Dalam kajian sama, Taktak et al. (2010) juga mendapati bahawa sektor perbankan Islam tidak menggunakan PKP untuk melaksanakan pelicinan pendapatan seperti bank konvensional. Justeru dalam kajian selanjutnya, Taktak (2011) yang mengkaji tabiat pelicinan pendapatan dengan menggunakan sampel 79 buah bank Islam dari 19 buah negara kemudiannya melaporkan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa bank-bank Islam menggunakan RPK untuk melaksanakan pelicinan pendapatan. Ekoran dengan itu, maka perbincangan kajian lepas ini dilanjutkan lagi dengan melihat kepada literatur-literatur yang mengkaji sama ada maklumat yang terhasil daripada pelaksanaan pengurusan perolehan adalah relevan nilai kepada pelabur.

Oleh kerana terdapat kajian lepas yang telah memperolehi bukti-bukti yang menunjukkan bahawa bank-bank di Malaysia telah melaksanakan pengurusan perolehan, maka kajian-kajian kerelevanan nilai diperluaskan lagi dengan mengkaji sama ada pelaksanaan pengurusan perolehan ini memberikan apa-apa makna kepada pelabur. Kousenidis et al. (2003) dalam kajian kerelevanan nilai pelaksanaan pengurusan perolehan dalam kalangan firma Greek telah mendapati bahawa pelaksanaan perolehan pengurusan tidak memberikan isyarat kepada pelabur berkenaan dengan potensi pulangan pelaburan pada masa hadapan. Dapatan ini turut disokong oleh dapatan Anandarajan, Hasan dan McCarthy (2006) yang mendapati bahawa peruntukan kerugian pinjaman tidak digunakan untuk memberikan isyarat terhadap pulangan pelaburan pada masa akan datang.

Dapatan-dapatan awal ini menunjukkan bahawa maklumat pelaksanaan pengurusan perolehan tidak relevan kepada pelabur. Namun demikian, potensi pelaksanaan pengurusan pendapatan dalam memberikan isyarat kepada pelabur tetap wujud. Whelan (2004) misalnya dalam kajian yang mengkaji hubungan kait serta kesan pengurusan perolehan dan kerelevanan nilai perolehan serta nilai buku ekuiti, telah mendapatkan bukti-bukti bahawa pengurusan pendapatan dengan menggunakan akruan jangka masa panjang mampu memberikan kesan yang signifikan pada kerelevanan nilai buku ekuiti (NBE) dan perolehan sesaham (PPS) terhadap nilai firma. Justeru itu konsensus sama ada pelaksanaan pengurusan perolehan nilai atau tidak terhadap pelabur masih lagi belum tercapai.

Ahmed dan McMartin (2013) melanjutkan bidang kajian ini dengan melihat pada kemungkinan adanya faktor penentu yang lain dalam hubungan kait antara pelaksanaan pengurusan perolehan dengan kerelevanan nilai firma. Justeru itu, dalam kajian yang melihat sama ada faktor keadaan ekonomi merupakan faktor penentu kepada hubungan kait tersebut Ahmed dan McMartin (2013) telah mendapati bahawa pelicinan pendapatan yang dilakukan dengan sengaja, adalah relevan pada waktu krisis kewangan. Dapatan ini juga mencadangkan bahawa dalam keadaan krisis kewangan, kecenderungan serta volum penggunaan akruan secara sengaja adalah lebih tinggi. Melihat kepada penggunaan rizab penyamaan keuntungan secara khusus, kajian Dacorogna et al. (2013) yang

mengkaji pelaksanaan rizab penyamaan keuntungan bagi bencana alam semula jadi dalam kalangan firma insuran telah mendapati bahawa pelaksanaan rizab penyamaan keuntungan tersebut memberikan faedah kepada pemegang-pemegang saham dalam aspek peningkatan nilai opsyen saham. Dapatan ini mencadangkan bahawa penggunaan rizab penyamaan keuntungan dianggap sebagai sesuatu yang mampu membantu syarikat yang melaksanakannya untuk mengatasi masalah pulangan pendapatan yang rendah pada masa krisis. Justeru itu masyarakat pelabur berkemungkinan lebih yakin memilih untuk melabur dalam syarikat yang telah melaksanakan rizab penyamaan keuntungan. Namun demikian, perkara ini masih kurang dikaji dalam industri perbankan Islam yang dibenarkan untuk melaksanakan rizab penyamaan keuntungan.

Secara umumnya banyak kajian kerelevanan nilai telah dilaksanakan untuk melihat sama ada NBE dan PPS adalah relevan terhadap pelabur serta faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kerelevanan nilai maklumat kewangan ini (King & Langli 1998; Landsman & Maydew 2002; Ahmed, Kilic & Lobo 2006; Landsman 2007; Chang et al. 2008; Kwon 2009; Baboukardos & Rimmel 2016; Elbakry et al. 2017). Maka dengan itu, kajian yang melihat kepada kerelevanan nilai pelaksanaan pengurusan perolehan masih perlu diperluaskan lagi. Kajian kerelevanan nilai turut dilanjutkan kepada kajian yang melihat kesan penambahbaikan terhadap piawai pelaporan kewangan terhadap kerelevanan maklumat kewangan (Hassan & Mohd. Saleh 2010; Clarkson et al. 2011; Elbakry et al. 2017). Kajian kerelevanan nilai juga telah dikembangkan kepada maklumat bukan kewangan seperti reputasi sebagai peneraju kedayatahanan (Lourenco et al. 2012) serta sensitiviti terhadap nilai keagamaan dalam firma (Chourou 2014).

Jika dilihat, kajian kerelevanan nilai masih kurang melibatkan sektor institusi kewangan Islam. Pelaksanaan RPK pula membolehkan pihak *mudharib* melaksanakan pengurusan perolehan yang dibenarkan oleh undang-undang. Justeru itu, kajian ini ingin melihat sama ada maklumat RPK adalah relevan terhadap pelabur dalam situasi persaingan antara sektor kewangan Islam serta konvensional di Malaysia.

TEORI MENDASARI KAJIAN, PEMBENTUKAN HIPOTESIS DAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL

Kajian ini didasari oleh hipotesis kecekapan pasaran (*Efficient Market Hypothesis*, EMH) oleh Fama (1970) dan disokong oleh teori pengisyratan (*Signalling Theory*) oleh Akerlof (1970). Berdasarkan EMH, harga saham turut mengandungi nilai-nilai intrinsik firma yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi serta kualiti pengurusan firma tersebut. Teori pengisyratan dalam pelaporan kewangan pula menjelaskan bagaimana firma memberikan isyarat kepada pelabur melalui maklumat kewangan yang dilaporkan dan teori ini sering digunakan

untuk menjelaskan perilaku dalam keadaan di mana dua pihak mempunyai akses pada tahap yang berbeza terhadap suatu maklumat. Berdasarkan kepada teori-teori ini, maka dua hipotesis kajian telah dibangunkan.

Rasional pelabur menjadi tunjang kepada hipotesis ini, di mana pelabur berpotensi memindahkan pelaburan mereka kepada sektor konvensional dalam keadaan pulangan pelaburan sektor kewangan Islam lebih rendah semasa ekonomi merundum. Tambahan pula BNM membenarkan bank Islam di Malaysia untuk mengalihkan maksimum 15% daripada jumlah pendapatan bulanan dan mengekalkan RPK maksimum 30% daripada jumlah ekuiti, suatu nilai siling yang signifikan. Maklumat RPK turut dijangka signifikan kepada harga saham berdasarkan kepada tujuan asal pelaksanaan RPK oleh pihak BNM iaitu untuk membolehkan institusi perbankan Islam bersaing dengan bank konvensional. Maklumat RPK merujuk kepada nilai peruntukan, penggunaan atau baki RPK dalam penyata kewangan. Di samping itu, penggunaan RPK sebagai alat untuk melicinkan pendapatan, membolehkan bank-bank Islam melaporkan statistik pendapatan yang licin. Ini membolehkan pelabur membuat ramalan yang lebih baik terhadap potensi pulangan pelaburan mereka. Hipotesis yang pertama adalah seperti berikut:

H_1 Maklumat RPK mempunyai hubungan signifikan dengan harga saham.

Hipotesis yang kedua dibangunkan berdasarkan kepada rasional bahawa proses penambahbaikan mampu memberikan maklumat yang lebih berkualiti kepada pelabur. Setelah membenarkan penggunaan RPK dalam sektor perbankan Islam di Malaysia pada tahun 2000 dan berdasarkan pada pengalaman pelaksanaan RPK dalam tempoh lebih kurang tiga (3) tahun, pihak BNM memperkenalkan garis panduan pelaksanaan RPK di Malaysia pada tahun 2004. Panduan berkenaan RPK ini merupakan sebahagian daripada peraturan yang terkandung dalam Kerangka Kerja Kadar Pulangan yang dikeluarkan pada 1 Oktober 2004. Berdasarkan panduan ini, pihak institusi perbankan Islam dibenarkan untuk membuat peruntukan RPK sebanyak maksimum 15% daripada jumlah pendapatan pada setiap bulan. Selain itu, pihak institusi juga dibenarkan untuk mewujudkan dan mengekalkan RPK terkumpul pada kadar maksimum 30% daripada ekuiti pemegang saham. Dari aspek perekodan perakaunan pula, catatan transaksi perakaunan dilaksanakan seperti Apendiks 1.

Berdasarkan kaedah perakaunan dalam Apendiks 1, pemakaian garis panduan baru pelaksanaan RPK ini, akan memberikan kesan terhadap maklumat kewangan yang sering dinilai oleh pelabur seperti pulangan per saham (PPS) dan nilai buku ekuiti (NBE). Jika dibandingkan dengan pelaksanaan RPK sebelum pemakaian garis panduan baru, dan berdasarkan pada rasional catatan transaksi (i), (ii), (iii) dan (iv) di atas, pendapatan bersih sebelum cukai akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan pendapatan bersih sebelum cukai menurut kaedah catatan transaksi RPK dalam garis panduan lama.

Oleh yang demikian, kadar PPS juga akan menjadi lebih tinggi setelah garis panduan baru digunakan. Pulangan pendapatan bersih setelah cukai yang lebih tinggi kemudiannya akan diserap masuk ke dalam ekuiti melalui akaun pendapatan ditahan (retained earnings). Hal ini secara tidak langsung akan memberikan kadar nilai buku


ekuiti (NBE) yang juga lebih tinggi berbanding dengan sebelum pemakaian garis panduan baru pelaksanaan RPK. Ilustrasi 1 di bawah menunjukkan rasional peningkatan kedua pembolehubah ini hasil daripada pemakaian garis panduan baru pelaksanaan RPK tersebut.

Garis Panduan Lama		
<i>Ekstrak Penyata Pendapatan Komprehensif</i>		
	RM	
Pendapatan Kasar	100,000	
(-) Peruntukan Rizab Penyamaan Keuntungan (Pelabur RM30K + Bank RM20K)	(50,000)	
Pendapatan Bersih Sebelum Cukai	50,000	(a) PPS = RM0.25
(-) Cukai 10%	(5,000)	(RM50K/ 200K*)
Pendapatan Bersih setelah Cukai	45,000	
Ekstrak Penyata Kedudukan Kewangan		
Lain-lain Tanggungan		
(-) Rizab Penyamaan Keuntungan	50,000	(b)
Ekstrak Penyata Perubahan Ekuiti		
RM		
Saham Modal (@RM1 seunit)	200,000*	
Pendapatan ditahan (baki awal RM25,000 + RM45,000)	70,000	
Nilai Buku Ekuiti	270,000	(c) NBE = RM1.35 (RM270K/ 200K*)
Garis Panduan Baru		
<i>Ekstrak Penyata Pendapatan Komprehensif</i>		
	RM	
Pendapatan Kasar	100,000	
(-) Peruntukan Rizab Penyamaan Keuntungan (Pelabur RM30K)	(30,000)	
Pendapatan Bersih Sebelum Cukai	70,000	(d) PPS = RM0.35
(-) Cukai 10%	(7,000)	(RM70K/ 200K**)
Pendapatan Bersih setelah Cukai	63,000	
Ekstrak Penyata Kedudukan Kewangan		
Lain-lain Tanggungan		
(-) Rizab Penyamaan Keuntungan (Pelabur)	30,000	(e)
Ekstrak Penyata Perubahan Ekuiti		
RM		
Saham Modal (@RM1 seunit)	200,000**	
Pendapatan ditahan (baki awal RM25,000 + RM63,000 – RM20,000(RPK Bank))	68,000	
Rizab Penyamaan Keuntungan (Bank)	20,000	
Nilai Buku Ekuiti	288,000	(f) NBE = RM1.44 (RM288K/ 200K**)

ILUSTRASI 1. Kesan pelaksanaan garis panduan baru RPK terhadap NBE dan PPS

Berdasarkan pada Ilustrasi 1 di atas, penggunaan garis panduan baru ini akan meningkatkan kadar PPS dari (a) RM0.25 kepada (d) RM0.35 dan NBE dari (c) RM1.35 kepada (f) RM1.44, di samping mengurangkan liabiliti bank daripada (b) RM50,000 kepada (e) RM30,000. Ketiga-tiga kesan perubahan ini mampu memberikan gambaran yang lebih positif kepada pelabur berkenaan potensi

perkembangan dan potensi pulangan pendapatan perbankan Islam. Oleh itu penggunaan garis panduan baru ini juga dijangkakan akan memberikan kesan positif terhadap kerelevanan nilai maklumat PPS dan NBE. Garis panduan baru ini telah digunapakai secara efektifnya bermula daripada 1 Julai 2011. Ilustrasi 2 berikut menunjukkan ringkasan kronologi pelaksanaan RPK di Malaysia.



ILUSTRASI 2. Kronologi pelaksanaan RPK di Malaysia

Berdasarkan kepada kronologi pelaksanaan RPK di Malaysia pada Ilustrasi 2 di atas, maka Jadual 2 di bawah adalah ringkasan perbandingan pelaksanaan RPK sebelum

dan selepas pemakaian garis panduan baharu pelaksanaan RPK pada Julai 2011.


JADUAL 1. Perbandingan sebelum dan setelah pemakaian garis panduan baharu pelaksanaan RPK Mei 2011

Perkara	Sebelum	Setelah
Pengiktirafan dalam penyata kedudukan kewangan	<p><i>Peruntukan</i> Semua peruntukan RPK diiktiraf sebagai baki RPK dan dikelaskan di bawah akaun lain-lain liabiliti.</p> <p><i>Penggunaan</i> Akaun baki RPK didebitkan.</p>	<p><i>Peruntukan</i> Pengiktirafan baki RPK diasingkan antara pelabur dan institusi. Baki RPK pelabur masih diiktiraf sebagai liabiliti, tetapi baki RPK institusi diiktiraf sebagai rizab berasingan di bawah akaun ekuiti.</p> <p><i>Penggunaan</i> Akaun baki RPK pelabur didebitkan. Akaun baki RPK insituti dalam ekuiti didebitkan dan jumlah sama dikreditkan kepada akaun. Pendapatan tertahan dalam ekuiti.</p>
Pengiktirafan dalam penyata pendapatan	<p><i>Peruntukan</i> Semua peruntukan RPK diambil daripada pendapatan kasar dan diiktiraf sebagai kos dalam penyata pendapatan.</p> <p><i>Penggunaan</i> Semua penggunaan baki RPK dikreditkan semula ke dalam penyata pendapatan.</p>	<p><i>Peruntukan</i> Peruntukan RPK pelabur masih diambil daripada pendapatan kasar dan diiktiraf sebagai kos dalam penyata pendapatan. Peruntukan RPK institusi diambil daripada pendapatan tertahan (<i>retained earnings</i>) dan diiktiraf sebagai pemindahan antara rizab-rizab dalam akaun ekuiti justeru tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan.</p> <p><i>Penggunaan</i> Penggunaan baki RPK pelabur dikredit semula ke dalam penyata pendapatan. Penggunaan baki RPK institusi pula hanya diiktiraf dalam penyata ekuiti sebagai pemindahan semula rizab kepada akaun pendapatan tertahan (<i>retained earnings</i>) dan diiktiraf sebagai pemindahan antara rizab-rizab dalam akaun ekuiti justeru tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan.</p>

Lantaran perbezaan ini dijangka menambah baik maklumat berkaitan RPK, maka hipotesis di bawah dibangunkan:

H₂ Pemakaian garis panduan baru (BNM 2011) menguatkan hubungan antara maklumat RPK dengan harga saham

Berdasarkan kepada hipotesis yang dibangunkan, maka kerangka kerja konseptual kajian ini adalah seperti berikut:



GAMBARAJAH 1. Kerangka kerja konseptual

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian keratan rentas (*cross-sectional*) dengan menggunakan data terkumpul (*pool data*) bagi memaksimumkan jumlah pemerhatian. Data kajian merupakan data sekunder yang diekstrak daripada penyata kewangan institusi perbankan Islam di Malaysia. Oleh kerana harga saham diperlukan, maka data harga saham syarikat induk kumpulan perbankan diperlukan. Maklumat sejarah nilai harga saham diperoleh daripada laman sesawang Bursa Malaysia. Data kajian bermula tahun 2001 iaitu setelah Bank Negara membenarkan pelaksanaan RPK hingga tahun 2014. Jadual 2 menunjukkan jumlah pemerhatian.

JADUAL 2. Sampel kajian

Kumpulan Syarikat	Syarikat Perbankan Islam	Bil. Tahun pemerhatian		
		*Bukan Entiti Berasingan	Entiti Berasingan	Jumlah Pemerhatian
Affin Holdings	Affin Islamic Bank Berhad	-	9	9
Al Rajhi Bank, Saudi Arabia	Al Rajhi Bank**	-	9	9
Alliance Financial Group Bhd	Alliance Islamic Bank Berhad	3	6	9
AMMB Holdings Bhd	AmIslamic Bank Berhad	-	12	12
Qatar Islamic Bank	Asian Finance Bank Berhad**	-	9	9
BIMB Holdings Bhd	Bank Islam Malaysia Berhad	-	14	14
DRB-HICOM Bhd	Bank Muamalat	-	14	14
CIMB Group Holdings Bhd	CIMB Islamic Bank Berhad	-	10	10
Hong Leong Bank Berhad	Hong Leong Islamic Bank Berhad	5	9	14
HSBC Holdings Plc	HSBC Amanah**	4	6	10
Kuwait Finance House	Kuwait Finance House (M)**	-	10	10
Malayan Banking Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad	7	8	15
OCBC Group, Singapore	OCBC Al Amin**	7	6	13
Public Bank Berhad	Public Islamic Bank Berhad	5	8	13
RHB Bank Berhad	RHB Islamic	2	10	12
Standard Chartered Plc	Standard Chartered Saadiq**	6	6	12
Jumlah Pemerhatian Awal		39	146	185
(-) pemerhatian dengan syarikat induk tidak tersenarai di Bursa Malaysia**				(63)
(-) pemerhatian bagi tahun 2008 dan 2009)				(20)
Jumlah Pemerhatian bagi tujuan Analisis Data				102

* Pengoperasian perbankan Islam dengan lesen Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF), hanya melibatkan penawaran produk serta perkhidmatan perbankan Islam dengan mengasingkan dana perbankan tetapi tidak melibatkan penubuhan subsidiari

Kajian terhadap kerelevanan nilai pula merupakan sebahagian daripada kajian empirikal terhadap hubungan antara pasaran modal dan penyata kewangan yang turut dirujuk sebagai kajian perakaunan berdasarkan pada pasaran modal (Capital Market Based Accounting Research @ CMBAR). Kothari (2001) telah mengkategorikan kajian CMBAR ini kepada dua, iaitu yang pertama ujian analisis dan penilaian terhadap keanjalan pasaran, dan yang kedua berdasarkan kepada teori perakaunan positif (Watts &

Zimmerman 1986) yang melihat kepada peranan nombor-nombor perakaunan dalam kontrak pembiayaan hutang serta kontrak ganjaran dan proses politikal dalam sesebuah firma. Beaver (2002) pula berpendapat bahawa kerelevanan nilai merupakan suatu cabang kajian yang tersendiri. Walau bagaimanapun Beisland (2009) berpendapat bahawa kerelevanan nilai boleh dianggap sebagai mempunyai perkaitan dengan kajian keanjalan pasaran dan kajian analisis serta penilaian maklumat kewangan.

Dalam sektor kewangan, kajian kerelevanan nilai mempunyai kepentingan di mana ia dapat meningkatkan insentif umum untuk membuat pelaburan dalam pasaran modal dan menyumbang kepada pengoptimuman sumber oleh pelabur. Namun ketidaksimetrian maklumat antara penyedia laporan kewangan dengan pengguna maklumat pelaporan kewangan telah sekian lama menjadi isu utama dalam pelaburan pasaran modal. Ini kerana, pihak pengurusan bank selaku penyedia laporan mempunyai maklumat yang lebih baik berbanding pelabur berkenaan risiko dan pulangan dalam pelaburan.

Demi mengurangkan jurang ketidaksimetrian maklumat ini, badan piawaian sama ada daripada badan piawaian pelaporan perakaunan antarabangsa (IASB), badan piawaian pelaporan perakaunan negara (MASB) atau badan piawaian khusus sektor kewangan (BNM) telah berusaha dari semasa ke semasa untuk memperkenalkan peraturan-peraturan, garis panduan atau piawaian baru untuk menambah baik kualiti pelaporan institusi-institusi kewangan. Justeru itu kajian kerelevanan nilai dalam sektor kewangan turut melihat keberkesanan penambahbaikan yang dibuat oleh badan-badan piawaian ini. Sebagai contoh, Ahmed, Kilic dan Lobo (2006) telah mengkaji perbandingan kerelevanan nilai antara instrumen derivatif kewangan yang diiktiraf dan yang didedahkan sahaja oleh bank-bank di Amerika Syarikat. Kajian dibuat berdasarkan perubahan pada piawai SFAS 133 yang menyebabkan beberapa derivatif kewangan yang sebelum ini hanya perlu didedahkan pada nota akaun sahaja perlu diiktirafkan. Dapatan kajian ini melaporkan bahawa, derivatif kewangan yang diiktirafkan setelah SFAS 133 diperkenalkan mempunyai hubungan yang lebih signifikan terhadap nilai firma. Dapatan kajian tersebut juga menunjukkan pelabur lebih cenderung untuk memberikan reaksi kepada maklumat kewangan yang diiktiraf berbanding maklumat yang hanya didedahkan pada nota akaun. Dapatan-dapatan ini mencadangkan bahawa proses penambahbaikan kepada piawai pelaporan kewangan memberikan kesan yang positif terhadap kerelevanan nilai maklumat kewangan. Justeru itu, kajian perlu dibuat untuk melihat sama ada pengenalan garis panduan baru pelaksanaan RPK oleh pihak BNM turut mempunyai kesan yang sama atau sebaliknya. Dalam subtopik seterusnya, kajian ini membincangkan tentang model harga Feltham dan Ohlson (1995) dan model pulangan Easton dan Harris (1991) yang sering digunakan sebagai asas kepada model kajian-kajian kerelevanan nilai.

Dalam literatur perakaunan, kajian kerelevanan nilai mengkaji hubungan antara maklumat perakaunan yang didedahkan kepada pasaran dan harga pasaran saham. Kajian-kajian kerelevanan nilai ini amat penting kepada proses pembuatan keputusan ekonomi dan pembentukan piawai perakaunan (Kothari 2001). Pada peringkat awal, kajian empirikal kerelevanan nilai memfokuskan kepada maklumat perakaunan dalam bentuk kewangan. Oleh yang demikian, dua model asas yang mengkaji kerelevanan nilai secara empirikal oleh Easton dan Harris (1991)

serta Feltham dan Ohlson (1995) dibangunkan dengan mengambilkira pembolehubah-pembolehubah kuantitatif yang terdiri daripada indikator-indikator kewangan seperti pulangan pendapatan, ekuiti dan harga saham. Kedua-dua model ini merupakan antara model terawal yang menguji hubungan antara maklumat kewangan dan nilai firma secara empirikal.

Idea awal bahawa wujudnya perkaitan antara nilai harga saham dan maklumat kewangan bersifat kuantitatif telah lama diperkenalkan oleh Preinreich (1938). Idea tersebut kemudiannya diteruskan oleh Raymond Ball dan Philip Brown (1968) dalam kajian 'An Empirical Evaluation of Accounting Income Number,' dalam usaha menjawab persoalan kajian dasar; adakah nombor-nombor perakaunan berguna atau memberikan apa-apa faedah kepada pelabur? Setelah itu banyak kajian yang melaporkan hubungan signifikan antara pulangan pendapatan dan nilai-nilai buku pada penyata kunci kira-kira terhadap penilaian ekuiti (Lev 1989; Ou & Penman 1989) yang kemudiannya menyumbang kepada pembentukan model ujian empirikal terhadap hubungan pulangan pendapatan, nilai buku ekuiti dan harga saham (Easton & Harris 1991; Feltham & Ohlson 1995). Perbincangan kajian lepas kajian kerelevanan nilai ini dilanjutkan lagi dengan melihat kedua-dua model ini satu demi satu dan dimulakan dengan model yang lebih awal iaitu model pulangan Easton dan Harris (1991).

Model Pulangan Easton dan Harris (1991) Antara model terawal dalam kajian kerelevanan nilai ini adalah model pulangan yang dibangunkan oleh Easton dan Harris pada tahun 1991. Model ini, mengkaji kerelevanan nilai dengan melihat kepada hubungan antara tahap pulangan pendapatan bersih dan perubahan pulangan pendapatan bersih terhadap pulangan stok. Secara statistiknya model pulangan Easton dan Harris (1991) dijelaskan dengan persamaan yang berikut;

$$Ret_{i,t} = \alpha_0 + \alpha_1 \frac{NI_{i,t}}{Pri_{i,t-1}} + \alpha_2 \frac{\Delta NI_{i,t}}{Pri_{i,t-1}} + \varepsilon_{i,t} \quad (1)$$

Di mana $Ret_{i,t}$ merupakan pulangan stok bagi firma i pada masa t , yang diambil kira 3 bulan setelah tahun kewangan berakhir yang dikadarkan kepada kuantiti unit saham biasa yang telah dikeluarkan. α_1 adalah pulangan pendapatan bersih sebelum cukai dan item luar biasa bagi firma i pada masa t ($NI_{i,t}$) yang dikadarkan kepada kuantiti unit saham biasa yang telah dikeluarkan, dan kemudiannya dikadarkan dengan harga saham pada akhir tahun kewangan sebelumnya ($Pri_{i,t-1}$). Manakala α_2 merupakan perubahan pada pulangan pendapatan bersih sebelum cukai dan item luarbiasa bagi tahun i pada masa t ($\Delta NI_{i,t}$), yang dikadarkan kepada kuantiti unit saham biasa yang telah dikeluarkan, dan kemudiannya dikadarkan dengan harga saham pada akhir tahun kewangan sebelumnya ($Pri_{i,t-1}$).

Secara khusus model Easton dan Harris (1991) mengukur isi kandungan maklumat berkenaan tahap serta perubahan pada pulangan pendapatan bersih dengan

perubahan pada pulangan stok, dan justeru itu, ianya mampu memberikan bukti berkenaan kerelevanan nilai maklumat pulangan pendapatan bersih terhadap pulangan stok atau harga saham (Kousenidis, Ladas & Negakis 2010).

Model Harga Feltham dan Ohlson (1995) Feltham dan Ohlson pada tahun 1995 pula memperkenalkan model harga yang mengkaji kerelevanan nilai kadar pulangan per modal (PPS) dan baki buku ekuiti (NBE) terhadap harga pasaran saham secara lebih terbuka berbanding model pulangan Easton dan Harris yang dibangunkan lebih awal. Model ini secara matematiknya diwujudkan oleh persamaan yang berikut;

$$Pri_{i,t} = \beta_0 + \beta_1 BVPS_{i,t} + \beta_2 EPS_{i,t} + \omega_{i,t} \quad (2)$$

di mana, $Pri_{i,t}$ adalah harga saham bagi firma i pada masa t . $BVPS_{i,t}$ adalah merupakan nilai buku ekuiti bagi firma i pada masa t dikadarkan dengan kuantiti saham biasa yang telah dikeluarkan. Manakala $EPS_{i,t}$ adalah pulangan pendapatan bersih firma i pada masa t dikadarkan dengan kuantiti saham biasa yang telah dikeluarkan.

Jika dilihat, model harga Feltham dan Ohlson (1995) pada asasnya mengukur secara statistik hubungan antara nilai buku ekuiti, pulangan pendapatan dan harga saham. Oleh yang demikian, model ini dianggap mempunyai kelebihan jika dibanding dengan model pulangan Easton dan Harris (1991) kerana, model harga Feltham dan Ohlson (1995) ini mengukur dua maklumat kewangan seperti PPS dan NBE secara serentak. Jika dibandingkan, model pulangan Easton dan Harris (1991) yang mengukur tahap serta perubahan pada pulangan pendapatan bersih adalah lebih sesuai digunakan jika objektif kajian ingin melihat kesan perubahan maklumat kewangan pada harga saham (Maditinos et al. 2007). Dalam kajian ini, objektif kajian tidak memerlukan kajian ini melihat kepada kesan perubahan maklumat kewangan dari tahun ke tahun. Maka dengan itu, model harga Feltham dan Ohlson (1995) telah dipilih sebagai model asas kepada kajian ini. Perbincangan akan dilanjutkan lagi dengan melihat kepada kajian lepas yang telah turut sama menggunakan model harga Feltham dan Ohlson (1995).

Untuk menguji hipotesis ini 2 model kajian telah dibangunkan iaitu:

$$HS_{it} = \alpha_0 + \alpha_1 PPSadj_{it} + \alpha_2 NBEadj_{it} + \alpha_3 RPKbal_{it} + \alpha_4 RPKpro_{it} + \alpha_5 RPKused_{it} + \epsilon_{it} \quad (3)$$

$$HS_{it} = \alpha_0 + \alpha_1 PPSadj_{it} + \alpha_2 NBEadj_{it} + \alpha_3 RPKbal_{it} + \alpha_4 RPKpro_{it} + \alpha_5 RPKused_{it} + \alpha_6 GP + \alpha_7 PPSadj_{it} * GP + \alpha_8 NBEadj_{it} * GP + \alpha_9 RPKbal_{it} * GP + \alpha_{10} RPKpro_{it} * GP + \alpha_{11} RPKused_{it} * GP + \epsilon_{it} \quad (4)$$

Di mana;

- HS_{it} merupakan harga saham firma i , tiga (3) bulan selepas tarikh kewangan syarikat berakhir pada tahun t .
- PPS_{it} merupakan pendapatan bersih operasi perbankan Islam sebelum cukai dan setelah dividen saham keutamaan bagi firma i dikadarkan kepada purata baki saham modal biasa pada tahun t .
- NBE_{it} nilai buku ekuiti operasi perbankan Islam bagi firma i dikadarkan kepada purata baki saham modal biasa pada tahun t .
- $PPSadj_{it}$ merupakan pendapatan bersih operasi perbankan Islam sebelum cukai serta peruntukan/ pemakaian RPK dan setelah dividen keutamaan bagi firma i dikadarkan kepada purata baki saham modal biasa pada tahun t .
- $NBEadj_{it}$ nilai buku ekuiti operasi perbankan Islam setelah diselaraskan semula perubahan yang disebabkan oleh pergerakan RPK bagi firma i dikadarkan kepada purata baki saham modal biasa pada tahun t .
- $RPKbal_{it}$ baki rizab penyamaan keuntungan dalam penyata kedudukan kewangan operasi perbankan Islam bagi firma i dikadarkan dengan purata baki saham modal biasa pada tahun t .
- $RPKpro_{it}$ merupakan RPK yang telah diperuntukkan oleh operasi perbankan Islam bagi firma i (ditolak daripada pendapatan kasar) pada tahun t dikadarkan kepada purata baki saham modal biasa pada tahun t .
- $RPKused_{it}$ merupakan RPK yang telah digunakan oleh operasi perbankan Islam bagi firma i (ditambah kepada pendapatan kasar) pada tahun t dikadarkan kepada purata baki saham modal biasa pada tahun t .
- GP garis panduan baru pelaksanaan RPK pada Mei 2011. Nilai satu (1) diberikan kepada tempoh setelah garis panduan baru berkuatkuasa, manakala nilai sifar (0) diberikan kepada tempoh sebelum garis panduan baru berkuat kuasa.
- ϵ merupakan ralat.

Model 1 dibangunkan untuk melihat kepada kerelevanan nilai maklumat kewangan NBE dan PPS institusi perbankan Islam di Malaysia. Hipotesis 1 akan diuji dengan menggunakan model 3, manakala hipotesis 2 pula akan diuji dengan melihat perbandingan antara dapatan model 3 dan model 4.

Hipotesis kajian akan diuji melalui ujian regresi berganda. Jadual 3 menunjukkan ramalan hasil.

JADUAL 3. Ringkasan pembolehubah pengukuran dan ramalan hasil

Pembolehubah	Pengukuran	Ramalan Hasil
<u>Pembolehubah bersandar</u>		
Kerelevanan nilai	Harga saham firma atau firma induk yang tersenarai di bursa Malaysia	
<u>Pembolehubah tidak bersandar</u>		
Nilai buku ekuiti (NBE)	Nilai buku ekuiti institusi perbankan Islam difaktorkan dengan jumlah unit saham yang telah dikeluarkan	+ve
Pendapatan bersih per saham (PPS)	Jumlah pendapatan bersih setelah dividen saham keutamaan difaktorkan dengan jumlah unit saham yang telah dikeluarkan	+ve
RPK _{bal}	Baki rizab penyamaan keuntungan pada tahun semasa, difaktorkan dengan jumlah unit saham yang telah dikeluarkan	+ve
RPK _{pro}	Jumlah peruntukan rizab penyamaan keuntungan pada tahun semasa, difaktorkan dengan jumlah unit saham yang telah dikeluarkan	+ve
RPK _{used}	Jumlah rizab penyamaan keuntungan yang digunakan pada tahun semasa, difaktorkan dengan jumlah unit saham yang telah dikeluarkan	+ve
<u>Pembolehubah penyederhana</u>		
Garis panduan baru	Pemakaian garis panduan baru pelaksanaan RPK oleh BNM pada tahun 2011	+ve

ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

Analisis kajian dimulakan dengan analisis deskriptif data kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah. Kesemua data pembolehubah tidak bersandar telah diubahsuai menurut cadangan Tabachnick dan Fidell (2007) berikutan dengan taburan data yang tidak normal. Hanya data pembolehubah bersandar sahaja tidak diubahsuai.¹

Setelah data diubah suai, pembolehubah tidak bersandar mempunyai taburan yang lebih normal berdasarkan kepada nilai kepencongan dan herotan sekitar 0 hingga 3 (Gujarati, 2004). Bagi pembolehubah tidak bersandar RPK_{used} pula data adalah bertaburan secara normal berdasarkan kepada nilai min dan median yang hampir serta nilai sisihan piawai yang rendah daripada nilai median (Cooper & Schindler 2001).

Ujian korelasi antara pembolehubah dalam jadual 5 di atas menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara harga saham (HS) dengan NBE dan PPS. Manakala, tidak terdapat korelasi yang signifikan antara harga saham (HS) dengan ketiga-tiga proksi RPK. Jadual 5 turut menunjukkan kemungkinan adanya masalah kekolinearitan berbilang antara NBE dan PPS dengan nilai korelasi > 80%. Namun demikian, untuk mendapat kepastian berhubung masalah ini statistik toleransi (TOL) dan nilai faktor inflasi varian (VIF) perlu diambil kira. Menurut Pallant (2010) nilai VIF > 10 dan nilai TOL < 0.1 menunjukkan wujudnya masalah kekolinearitan berbilang. Jadual 6 di bawah menunjukkan hasil ujian kekolinearitan berbilang antara pembolehubah tidak bersandar. Dapatan ujian tidak menunjukkan bacaan yang menunjukkan wujudnya masalah kekolinearitan berbilang. Justeru itu analisis regresi berganda boleh dilaksanakan terhadap set data.

JADUAL 5. Analisis korelasi *Pearson* antara pembolehubah

Pembolehubah	HS	NBE _{adj}	PPS _{adj}	RPK _{bal}	RPK _{pro}	RPK _{used}	GP
HS	1						
NBE _{adj}	0.544**	1					
PPS _{adj}	0.478**	0.806**	1				
RPK _{bal}	-0.084	0.119	0.037	1			
RPK _{pro}	-0.165	0.124	0.220	0.711**	1		
RPK _{used}	-0.148	-0.390**	-0.404**	-0.029	-0.046	1	
GP	0.413**	0.292**	0.162	0.299**	0.230*	0.120	1

** Korelasi adalah signifikan pada tahap $P < 0.01$.

* Korelasi adalah signifikan pada tahap $P < 0.05$.

Pembolehubah bersandar HS = harga saham firma induk yang diambil daripada laman sesawang Bursa Malaysia. Pembolehubah tidak bersandar i) NBE_{adj} = nilai buku ekuiti per saham, ii) PPS_{adj} = pendapatan bersih per saham, iii) RPK_{bal} = baki rizab penyamaan keuntungan, iv) RPK_{pro} = rizab penyamaan keuntungan diperuntukkan, dan v) RPK_{used} = penggunaan rizab penyamaan keuntungan. Pembolehubah penyederhana GP = garis panduan baru pelaksanaan RPK oleh BNM.

JADUAL 4. Statistik deskriptif pembolehubah kajian (sebelum dan selepas pengubahsuaian)

Panel A: Statistik deskriptif pembolehubah data sebelum pengubahsuaian

	N	Minimum	Maksimum	Min	Median	Sisihan Piawai	Kepencongan	Herotan
Pembolehubah bersandar (DV)								
Harga Saham (HS)	102	1.0200	19.1800	5.5760	4.8900	3.8717	1.350	2.033
Pembolehubah tidak bersandar (IV)								
Nilai Buku Ekuiti (NBE)	102	-0.3157	37.1532	4.3085	1.8666	7.5607	3.331	10.378
Pendapatan Bersih Per Saham (PPS)	102	-1.4736	7.3070	0.6437	0.2231	1.3723	3.265	11.398
Baki Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKbal)	102	0.0000	0.8168	0.0516	0.0036	0.1385	4.346	20.358
Peruntukan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKpro)	102	0.0000	0.8205	0.0270	0.0000	0.0908	7.111	59.152
Penggunaan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKused)	102	-0.6588	0.0000	-0.0265	-0.0006	0.0770	-6.067	45.800

Panel B: Statistik deskriptif pembolehubah data selepas pengubahsuaian

	N	Minimum	Maksimum	Min	Median	Sisihan Piawai	Kepencongan	Herotan
Pembolehubah bersandar (DV)								
Harga Saham (HS)	102	1.0200	19.1800	5.5760	4.8900	3.8717	1.350	2.033
Pembolehubah tidak bersandar (IV)								
Nilai Buku Ekuiti (NBE)	102	-0.2161	1.5700	0.3792	0.2710	0.3749	1.878	3.122
Pendapatan Bersih Per Saham (PPS)	102	-1.8239	0.8637	-0.5237	-0.6232	0.5105	0.720	1.052
Baki Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKbal)	102	-3.3010	0.0000	-0.8337	-0.6067	0.9345	-0.642	-0.893
Peruntukan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKpro)	102	-3.5229	0.0000	-0.7824	0.0000	0.9663	-0.830	-0.448
Penggunaan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKused)	102	0.6028	1.0000	0.9781	0.9994	0.0532	-4.436	25.344

Pembolehubah bersandar HS = harga saham firma induk yang diambil daripada laman sesawang Bursa Malaysia. Pembolehubah tidak bersandar i) NBE = nilai buku ekuiti per saham, ii) PPS = pendapatan bersih per saham, iii) RPKbal = baki rizab penyamaan keuntungan, iv) RPKpro = rizab penyamaan keuntungan diperuntukkan, dan v) RPKused = penggunaan rizab penyamaan keuntungan. Pembolehubah penyederhana GP = garis panduan baru pelaksanaan RPK oleh BNM.

JADUAL 6. Ujian kekolinearitas berbilang antara pembolehubah tidak bersandar

Pembolehubah tidak bersandar	Toleransi (TOL)	VIF
Nilai Buku Ekuiti (NBEadj)	0.334	2.993
Pendapatan Bersih Per Saham (PPSadj)	0.335	2.989
Baki Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKbal)	0.493	2.029
Peruntukkan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKpro)	0.488	2.049
Penggunaan Rizab Penyamaan Keuntungan (RPKused)	0.825	1.213

NBEadj = nilai buku ekuiti per saham, PPSadj = pendapatan bersih per saham, RPKbal = baki rizab penyamaan keuntungan, RPKpro = rizab penyamaan keuntungan diperuntukkan, dan RPKused = penggunaan rizab penyamaan keuntungan.

Regresi data panel digunakan *Redundant Fixed Effects* dan *Hausman* mencadangkan model kesan tetap (*Fixed Effects*). Hasil dapatan analisis regresi berganda kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah. Analisis regresi berganda model 2 (tidak dilaporkan) menunjukkan bahawa NBE adalah lebih relevan nilai kepada pelabur berbanding dengan PPS. Regresi berganda model 3 pula mendapati bahawa hanya rizab yang diperuntukkan (RPKpro) sahaja yang relevan kepada harga saham pada kadar perubahan -ve. Jika dibandingkan dapatan model 3 dan model 4 pula, didapati kerelevanan nilai NBE telah meningkat dengan adanya maklumat RPK.

Jadual 7 menunjukkan hasil regresi panel untuk model regresi 3 dan 4. Bagi model regresi asas (tidak dilaporkan), nilai R^2 adalah 30.2% dengan nilai statistik $F = 21.392$, $p < 0.01$. Ini menunjukkan sebanyak 30% perubahan ke atas harga saham dapat dijelaskan oleh pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada NBE dan PPS. Kwon (2009) misalnya melaporkan statistik R^2 bagi firma Korea yang mempunyai keuntungan pada julat 0.19 hingga 0.87, manakala bagi firma yang tidak mempunyai keuntungan pada julat 0.27 hingga 0.76.

Bagi model 3, nilai R^2 adalah sebanyak 35.8% dengan nilai statistik $F = 10.721$, $p < 0.01$. Ini menunjukkan sebanyak 36% perubahan ke atas harga saham dapat dijelaskan oleh pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada NBEadj, PPSadj, RPKbal, RPKpro dan RPKused. Peningkatan nilai R^2 dari model asas (0.302) kepada model 3 (0.358) menunjukkan peranan maklumat kewangan RPK dalam menjelaskan perubahan yang berlaku kepada harga saham. Kajian lepas yang turut menggunakan model harga Feltahm dan Ohlson (1995) seperti Lourenco et al. (2013) dan Nejad et al. (2014) melaporkan nilai statistik R^2 masing-masing pada 0.635 dan 0.947. Nilai R^2 bagi model 4 pula adalah sebanyak 53.2% dengan nilai $F = 9.318$, dengan nilai $p < 0.01$. Peningkatan nilai R^2 daripada model asas hingga 4 adalah sejajar dengan pertambahan bilangan pembolehubah tidak bersandar. Bagi tujuan pembolehubah penyederhana, nilai sifar (0) diberikan kepada sebelum pemakaian garis panduan baru pelaksanaan RPK dan satu (1) diberikan kepada selepas pemakaian garis panduan baru RPK.

Dapatan menunjukkan bahawa NBE lebih relevan nilai berbanding PPS. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian lepas (King & Langly 1998), di mana industri perbankan

JADUAL 7. Perbandingan dapatan analisis regresi data terkumpul dan data panel (Model 3 & 4)

Panel A	Model 3 (Data Terkumpul)	Model 3 (Panel)
Pembolehubah kajian		
Konstan	-2.902(-0.447)	-4.796(-0.731)
NBEadj	0.536(3.793)***	5.992(4.048)***
PPSadj	0.084(0.593)	0.735(0.670)
RPKbal	0.031(0.265)	0.147(0.306)
RPKpro	-0.252(-2.153)**	-1.001(-2.150)**
RPKused	0.084(0.936)	8.014(1.210)
F Statistik	10.721***	11.243***
R ²	0.358	0.372
R ² terlaras	0.325	0.339
Pemerhatian	102	101
Panel B	Model 4 (Data Terkumpul)	Model 4 (Panel)
Pembolehubah kajian		
Konstan	4.069(0.598)	1.980(0.262)
NBEadj	0.412(2.401)**	4.964(2.378)**
PPSadj	0.055(0.426)	0.463(0.456)
RPKbal	-0.167(-1.215)	-0.713(-1.248)
RPKpro	-0.940(-0.711)	-0.396(-0.742)
RPKused	-0.025(-0.272)	0.105(0.014)
X_GP	-1.220(-0.620)	-7.740(-0.477)
NBEadj*GP	-1.296(-2.741)***	-14.388(-2.807)***
PPSadj*GP	1.173(2.982)***	12.692(2.964)***
RPKbal*GP	0.188(1.333)	1.245(1.352)
RPKpro*GP	-0.306(-2.248)**	-1.915(-2.219)**
RPKused*GP	3.006(1.476)	22.579(1.332)
F Statistik	9.318***	9.232***
R ²	0.532	0.533
R ² terlaras	0.475	0.475
Pemerhatian	102	101

Nota: *signifikan pada $P < 0.10$, ** signifikan pada $p < 0.05$, ***signifikan pada $p < 0.01$

Pembolehubah bersandar HS = harga saham firma induk yang diambil daripada laman sesawang Bursa Malaysia. Pembolehubah tidak bersandar i) NBE/NBEadj = nilai buku ekuiti per saham, ii) PPS/PPSadj = pendapatan bersih per saham, iii) RPKbal = baki rizab penyamaan keuntungan, iv) RPKpro = rizab penyamaan keuntungan diperuntukkan, dan v) RPKused = penggunaan rizab penyamaan keuntungan. Pembolehubah penyederhana GP = garis panduan baru pelaksanaan RPK oleh BNM.

Islam di Malaysia masih dianggap sebagai industri yang sedang membangun jika dibandingkan dengan industri perbankan konvensional yang lebih mapan. Dalam keadaan ekonomi atau industri yang sedang membangun, pelabur lebih cenderung untuk melihat kepada potensi pertumbuhan jangka panjang yang lebih digambarkan oleh saiz ekuiti (*NBE*) berbanding dengan pendapatan bersih (*PPS*) (Chang et al. 2008). Sebaliknya, dalam keadaan ekonomi atau industri yang mapan, pelabur lebih cenderung untuk menilai prestasi institusi perbankan Islam dengan melihat kepada *PPS*.

Berbanding dengan proksi *RPKbal* dan *RPKused* yang tidak signifikan, proksi *RPKpro* dilihat lebih relevan nilai terhadap harga saham berdasarkan kepada nilai koefisien yang signifikan iaitu pada $p < 0.05$. Pembolehubah tidak bersandar *RPKpro* adalah berhubungan secara songsang dengan pembolehubah bersandar kajian, *HS*.

Analisis regresi model 4 pula menunjukkan interaksi garis panduan baru pelaksanaan *RPK* oleh pihak BNM pada tahun 2011 (*GP*). Dapatan menunjukkan bahawa setelah *GP* digunapakai, maklumat *PPS* adalah relevan kepada pelabur pada kadar perubahan +ve (1.173) serta lebih signifikan. Kadar perubahan *HS* bagi setiap unit perubahan dalam *RPKpro* telah menyusut daripada -0.940 kepada -0.306 dan menjadi lebih relevan. Kadar perubahan *HS* bagi setiap unit perubahan dalam maklumat *NBE* telah beralih sebanyak -ve (-1.296) daripada +ve (0.412).

Bagi proksi maklumat baki *RPK* (*RPKbal*) dan penggunaan *RPK* (*RPKused*) pula menunjukkan dinamik hubungkait yang positif dengan harga saham firma tetapi kedua-dua dapatan adalah tidak signifikan. Penemuan ini menunjukkan bahawa, antara ketiga-tiga proksi ini, hanya *RPKpro* sahaja yang benar-benar boleh dilabelkan sebagai maklumat baru kerana maklumat baki *RPK* (*RPKbal*) hanya merupakan maklumat lanjutan hasil daripada tindakan institusi perbankan Islam yang membuat peruntukan *RPK*. Demikian juga perihalnya dengan maklumat *RPK* yang digunakan (*RPKused*) di mana ia juga merupakan maklumat lanjutan hasil daripada peruntukan yang dibuat. Kedua-dua maklumat *RPKbal* dan *RPKused* boleh dikategorikan sebagai maklumat yang lebih sejarah berbanding dengan maklumat *RPKpro*. Ini menjelaskan mengapa, walaupun kedua-duanya mempunyai dinamik hubungan yang positif dengan pembolehubah bersandar kajian namun ianya tidak signifikan. Dapatan ini selaras dengan interaksi antara keadaan pasaran modal, isi kandung maklumat serta kualiti maklumat pelaporan kewangan, di mana maklumat sejarah tidak mempunyai kesan signifikan terhadap penentuan keadaan pasaran menurut hipotesis kecekapan pasaran. Hasil kajian mendokong hipotesis kecekapan pasaran iaitu harga saham bagi institusi bank yang dikaji mengandungi nilai-nilai intrinsik dan tanggapan oleh pelabur menyebabkan harga pasaran berubah. Ia juga dipengaruhi oleh keadaan semasa (sebelum serta selepas penggunaan garis panduan *RPK*). Bank yang dianggap sebagai memberi isyarat penting mengenai kestabilan operasi melalui *RPK* untuk memberi

pulangan setimpal kepada pelabur, tetapi telah ditanggap sebagai menjalankan amalan yang negatif oleh pelabur.

ANALISIS TAMBAHAN

PERALIHAN PENGOPERASI TETINGKAP KEPADA PENGOPERASIAN SECARA ENTITI BERASINGAN

Dalam analisis regresi berganda yang dibuat berdasarkan model regresi 3 yang asal, kajian ini ingin melihat sama ada pemakaian garis panduan baru pelaksanaan *RPK* oleh pihak BNM dapat menguatkan hubungan antara pembolehubah bersandar *HS* dengan Pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar khususnya *RPK*. Dapatan analisis regresi berganda bagi model ini jelas menyokong hipotesis tersebut. Namun terdapat juga kemungkinan di mana hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini menjadi lebih signifikan selaras dengan perkembangan institusi perbankan Islam yang mengikut peredaran masa. Justeru itu, model 3 dalam kajian ini telah diubah suai dengan menggantikan pembolehubah penyederhana garis panduan baru pelaksanaan *RPK* (*GP*) dengan pembolehubah penyederhana pengoperasi entiti berasingan (subsidiari).

Berikutan dengan pengantian lesen Skim Perbankan Tanpa Faedah (*SPTF*) kepada lesen penuh perbankan Islam pada tahun 1999, pemegang-pemegang lesen *SPTF* telah menubuhkan subsidiari perbankan Islam masing-masing. Penubuhan subsidiari-subsidiari ini telah menamatkan perkhidmatan perbankan Islam melalui operasi tetingkap. Berdasarkan pada pemerhatian awal terhadap data kajian, pengoperasian perbankan Islam secara tetingkap telah tamat sepenuhnya pada tahun 2007. Kajian ini, telah mengambil peralihan perkhidmatan perbankan Islam melalui pengoperasi tetingkap kepada pengoperasian perkhidmatan perbankan Islam melalui entiti berasingan (*EB*) atau subsidiari ini sebagai proksi untuk mengukur kesan perkembangan industri perbankan Islam di Malaysia terhadap hubungan pembolehubah bersandar *SP* dengan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini. Justeru itu, kajian ini telah mengubah suai model 4 asal kajian kepada yang berikut;

$$HS_{it} = \alpha_0 + \alpha_1 PPS_{adj_{it}} + \alpha_2 NBE_{adj_{it}} + \alpha_3 RPK_{bal_{it}} + \alpha_4 RPK_{pro_{it}} + \alpha_5 RPK_{used_{it}} + \alpha_6 EB + \alpha_7 PPS_{adj_{it}} * EB + \alpha_8 NBE_{adj_{it}} * EB + \alpha_9 RPK_{bal_{it}} * EB + \alpha_{10} RPK_{pro_{it}} * EB + \alpha_{11} RPK_{used_{it}} * EB + \epsilon_{it} \quad (5)$$

Jadual di bawah menunjukkan keputusan ujian regresi berganda bagi model 4. Dalam analisis regresi berganda ini, pengoperasi tetingkap diberikan nilai sifar (0) dan pengoperasi entiti berasingan (*EB*) diberikan nilai satu (1).

JADUAL 8. Keputusan analisis regresi berganda Model 5

Pembolehubah kajian		
Konstan	-2.902(-0.447)	25.719(1.129)
NBEadj	0.536(3.793)***	-0.194(-0.236)
PPSadj	0.084(0.593)	0.076(0.122)
RPKbal	0.031(0.265)	0.238(0.452)
RPKpro	-0.252(-2.153)**	-0.156(-0.390)
RPKused	0.084(0.936)	-0.268(-0.920)
X_EB	-	3.410(-1.364)
NBEadj*EB	-	0.748(0.852)
PPSadj*EB	-	0.097(0.148)
RPKbal*EB	-	-0.177(-0.330)
RPKpro*EB	-	-0.118(-0.295)
RPKused*EB	-	3.117(1.345)
F Statistik	10.721***	5.280***
R ²	0.358	0.392
R ² terlaras	0.325	0.318
Pemerhatian	102	102

Nota: *signifikan pada $P < 0.10$, ** signifikan pada $p < 0.05$, ***signifikan pada $p < 0.01$

Pembolehubah bersandar HS = harga saham firma induk yang diambil daripada laman sesawang Bursa Malaysia. Pembolehubah tidak bersandar i) NBEadj = nilai buku ekuiti per saham, ii) PPSadj = pendapatan bersih per saham, iii) RPKbal = baki rizab penyamaan keuntungan, iv) RPKpro = rizab penyamaan keuntungan diperuntukkan, dan v) RPKused = penggunaan rizab penyamaan keuntungan. Pembolehubah penyederhana EB = pengoperasian entiti berasingan.

Berdasarkan kepada dapatan regresi model 5, kesemua pembolehubah tidak bersandar tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembolehubah bersandar sebelum peralihan kepada pengoperasian perbankan Islam. Kajian juga mendapati bahawa, pembolehubah penyederhana EB tidak mempunyai impak yang signifikan kepada kesan perubahan pembolehubah tidak bersandar terhadap perubahan pembolehubah bersandar SP. Maka dengan itu tanggapan bahawa dapatan bagi regresi model 3 yang asal adalah dipengaruhi oleh perkembangan institusi perbankan Islam yang mengikut peredaran masa adalah ditolak.

PEMILIKAN BANK ISLAM OLEH FIRMA INDUK ISLAM DAN FIRMA KONVENSIONAL

Berdasarkan kepada sampel kajian, institusi perbankan Islam di Malaysia turut terdiri daripada kumpulan syarikat yang juga menjalankan operasi perbankan konvensional di samping operasi perbankan Islam. Justeru itu terdapat kemungkinan adanya perbezaan dapatan antara kedua-dua jenis pemilikan yang wujud hasil dari pengaruh sensitiviti pelabur terhadap nilai keagamaan. Menurut Chourou (2013), persepsi terhadap nilai keagamaan mempunyai hubungkait yang positif terhadap kerelevanan nilai. Dalam kajian ini data nilai sensitiviti keagamaan yang diukur dalam Chourou (2013) seperti bilangan tempat beribadah dalam lingkungan kawasan beroperasi, serta maklumat data primer berkenaan dengan perspektif ahli pihak pengurusan firma berkenaan dengan agama tidak diperolehi. Namun, kajian ini melihat kepada keadaan

pemilikan bank Islam oleh firma induk Islam atau firma induk konvensional sebagai proksi sensitiviti pelabur terhadap nilai keagamaan. Pemilihan proksi ini dibuat kerana pelaksanaan RPK ini turut diragui akan kepatuhan pelaksanaannya terhadap prinsip-prinsip *shariah*. Institusi perbankan Islam yang sepenuhnya dimiliki oleh firma induk Islamik berkemungkinan untuk memilih tidak melaksanakan RPK. Manakala bagi institusi perbankan Islam yang dimiliki oleh firma induk konvensional pula berkemungkinan akan memilih untuk melaksanakan RPK dengan lebih agresif. Justeru itu model regresi 3 asal diubah suai dengan menggantikan pembolehubah penyederhana garis panduan baru pelaksanaan RPK 2011 dengan pemilikan bank Islam oleh firma induk Islam, untuk membentuk model regresi 5 seperti berikut:

$$HS_{it} = \alpha_0 + \alpha_1 PPSadj_{it} + \alpha_2 NBEadj_{it} + \alpha_3 RPKbal_{it} + \alpha_4 RPKpro_{it} + \alpha_5 RPKused_{it} + \alpha_6 Islam + \alpha_7 PPSadj_{it} * Islam + \alpha_8 NBEadj_{it} * Islam + \alpha_9 RPKbal_{it} * Islam + \alpha_{10} RPKpro_{it} * Islam + \alpha_{11} RPKused_{it} * Islam + \varepsilon_{it} \quad (6)$$

JADUAL 9. Keputusan analisis regresi berganda Model 6

Pembolehubah kajian	Model 3	Model 6
Konstan	-2.902(-0.447)	-3.395(-0.573)
NBEadj	0.536(3.793)***	0.627(3.683)***
PPSadj	0.084(0.593)	-0.185(-0.976)
RPKbal	0.031(0.265)	0.169(1.336)
RPKpro	-0.252(-2.153)**	-0.274(-2.270)**
RPKused	0.084(0.936)	0.094(1.160)
X_Firma induk Islam	-	-1.718(-0.421)
NBEadj*Islam	-	-0.210(-1.577)
PPSadj*Islam	-	0.189(0.833)
RPKbal*Islam	-	-0.018(-0.143)
RPKpro*Islam	-	0.103(0.789)
RPKused*Islam	-	1.632(0.396)
F Statistik	10.721***	9.261***
R ²	0.358	0.531
R ² terlaras	0.325	0.474
Pemerhatian	102	102

Nota: *signifikan pada $P < 0.10$, ** signifikan pada $p < 0.05$, ***signifikan pada $p < 0.01$

Pembolehubah bersandar HS = harga saham firma induk yang diambil daripada laman sesawang Bursa Malaysia. Pembolehubah tidak bersandar i) NBE = nilai buku ekuiti per saham, ii) PPS = pendapatan bersih per saham, iii) RPKbal = baki rizab penyamaan keuntungan, iv) RPKpro = rizab penyamaan keuntungan diperuntukkan, dan v) RPKused = penggunaan rizab penyamaan keuntungan. Pembolehubah penyederhana Islam = Pemilikan bank Islam oleh firma induk Islam.

Berdasarkan kepada dapatan pada model regresi 6, didapati bahawa kerelevanan maklumat kewangan NBE (0.627, $t = 3.683$, $p < 0.01$) serta RPKpro (-0.274, $t = -2.270$, $p < 0.05$) adalah lebih relevan kepada perubahan harga saham dalam kalangan bank Islam yang dimiliki oleh firma induk konvensional berbanding dengan bank Islam yang dimiliki oleh firma induk Islam. Dapatan dalam Jadual 5.8 juga menunjukkan bahawa pelabur dalam

firma induk Islam kurang sensitif terhadap pendedahan maklumat kewangan sama ada NBE, PPS atau RPK berbanding dengan pelabur dalam sektor konvensional. Justeru itu, kemungkinan bahawa dapatan pada model regresi asal adalah dipengaruhi oleh faktor pemilikan institusi perbankan Islam oleh firma induk Islam dalam sampel kajian adalah ditolak.

KESIMPULAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab persoalan sama ada pelabur menganggap maklumat RPK sebagai relevan kepada keputusan mereka. Tambahan lagi, kajian ini juga menyiasat kesan peraturan baharu untuk RPK yang telah dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2011. Secara umumnya pelabur di Malaysia masih beranggapan bahawa sektor perbankan Islam adalah sektor yang sedang membangun. Justeru itu pelabur memberi lebih reaksi terhadap NBE yang menggambarkan potensi perkembangan akan datang berbanding maklumat perolehan. Namun demikian, setelah isu keseragaman pelaksanaan RPK dengan piawaian pelaporan kewangan ditimbulkan oleh Malaysian Institute of Accountants (MIA) dan pemakaian garis panduan baru pelaksanaan RPK diguna pakai, terdapat peralihan kerelevanan nilai maklumat daripada NBE kepada PPS. Ini berikutan dengan reaksi pelabur yang mulai peka terhadap pelaksanaan RPK serta kesannya terhadap pulangan pendapatan yang dilaporkan.

Kajian pada awalnya menjangkakan arah hubungan antara RPK_{pro} dan harga saham adalah positif. Namun dapatan kajian ini menunjukkan hubung kait antara keduanya adalah bersifat negatif. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelabur belum dapat menerima atau memahami sepenuhnya akan kesan positif serta faedah hasil pelaksanaan RPK dalam jangka masa panjang. Dapatan ini berlawanan dengan dapatan Dacorogna et al. (2013) di mana maklumat pelaksanaan RPK yang bertujuan untuk membantu institusi perbankan Islam untuk terus bersaing dengan institusi perbankan konvensional sepatutnya berinteraksi secara positif dan signifikan dengan peningkatan harga saham. Hujah mengatakan seharusnya kesan positif diperolehi adalah daripada manfaat RPK yang membantu institusi bank Islam menggunakan rizab tersebut tatkala berlaku tekanan terhadap keuntungan, dan memberi pulangan setanding perbankan konvensional. Namun sebaliknya berlaku. Malahan kesan maklumat ini adalah negatif. Ini menunjukkan bahawa pelabur sektor perbankan Islam masih tidak memahami tujuan pelaksanaan RPK iaitu kemungkinan mereka beranggapan bahawa peruntukan RPK yang dibuat hanya akan mengurangkan pulangan pelaburan mereka kerana keuntungan yang sepatutnya mereka terima telah dialihkan kepada rizab RPK. Keduanya, sebahagian mereka juga mungkin merasakan terlalu banyak unsur pengurusan perolehan dengan kewujudan rizab sebegini sehingga kebolehppercayaan perolehan tergugat.

Maka secara umumnya hasil kajian mendapati bahawa maklumat RPK memberikan manfaat kepada pelabur. Namun hanya sebahagian maklumat mengenai rizab penyamaan keuntungan ini yang dianggap relevan kepada pelabur. Walaupun RPK adalah rizab yang sah di sisi undang-undang, namun tanggapan masyarakat pelabur terhadap pelaksanaannya oleh institusi perbankan Islam masih dianggap sebagai sesuatu yang negatif.

Terdapat dua implikasi hasil dari penemuan dalam menguji kesan garis panduan baharu ini. Implikasi yang pertama mencadangkan bahawa proses penambahbaikan pelaporan kewangan sama ada oleh pihak BNM atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) perlu dilaksanakan dari masa ke semasa kerana ia mampu meningkatkan kerelevanan nilai maklumat kewangan terhadap pelabur. Sehubungan dengan peralihan kerelevanan nilai daripada NBE kepada PPS pula mencadangkan bahawa dengan pemakaian garis panduan baru pelaksanaan RPK, pelabur lebih peka akan kesan pelaksanaan RPK terhadap keuntungan atau kerugian yang diperolehi oleh bank-bank Islam di Malaysia. Secara teorinya, penggunaan garis panduan baharu ini akan meningkatkan kadar PPS dan NBE di samping mengurangkan liabiliti bank. Ketiga-tiga kesan perubahan ini mampu memberikan gambaran yang lebih positif kepada pelabur berkenaan potensi perkembangan dan potensi pulangan pendapatan perbankan Islam. Namun, peralihan ini juga mencetuskan kemungkinan bahawa sektor perbankan Islam telah beralih daripada sektor industri yang sedang membangun kepada sektor industri yang lebih mapan (King & Langli 1998). Namun konsensus berkenaan dengan peralihan tahap pembangunan industri ini masih tidak dijelaskan sepenuhnya berikutan hasil dapatan ujian lanjutan yang menolak kemungkinan perubahan adalah disebabkan oleh kemajuan yang dialami oleh industri perbankan Islam di Malaysia. Justeru, kemungkinan setelah pemakaian garis panduan yang baharu, pelabur semakin nampak kesan RPK kepada meningkatkan prestasi bank secara kosmetik sahaja dan bukan prestasi sebenar bank dan akhirnya hilang kepercayaan kepada angka perolehan berkenaan. Keduanya, sudah sampai masanya peruntukan yang boleh menimbulkan 'fitnah' ini dihapuskan dan sistem perbankan Islam boleh berdiri dengan sendirinya berasaskan kekuatan produk dan keefisienan dalaman, tanpa mengharap peruntukan yang terpaksa diwujudkan untuk melindungi mereka untuk terus kompetitif.

Batasan timbul dalam usaha menyingkirkan kemungkinan bahawa dapatan adalah disebabkan oleh faktor sensitiviti terhadap nilai keagamaan. Dalam kajian Chourou (2013), sensitiviti terhadap nilai keagamaan ini diukur berdasarkan kepada faktor seperti faktor persekitaran yang mana termasuklah mengambil kira bilangan rumah beribadah dalam kawasan di mana firma beroperasi. Namun maklumat ini sukar diperolehi bagi tujuan kajian ini. Oleh yang demikian, dalam analisis ini, proksi faktor sensitiviti keagamaan hanya terbatas kepada jenis pemilikan bank Islam dengan melihat sama

ada pengoperasi perbankan Islam dimiliki oleh firma induk Islam sepenuhnya atau konvensional. Dalam usaha memastikan kesinambungan institusi perbankan Islam di Malaysia, pihak BNM telah membenarkan institusi perbankan Islam ini untuk mewujudkan RPK. Namun pelaksanaan RPK turut membuka ruang kepada institusi perbankan Islam ini untuk melaksanakan pengurusan perolehan dan secara tidak langsung akan melaporkan nilai pulangan yang mungkin tidak mewakili tahap prestasi sebenar institusi perbankan Islam tersebut. Justeru itu, situasi ini menimbulkan persoalan sama ada pelaksanaan RPK patuh pada prinsip syariah atau tidak. Persoalan ini berkemungkinan dilihat dalam perspektif yang berbeza antara institusi perbankan Islam milik firma induk Islam serta institusi perbankan Islam yang dimiliki oleh firma induk konvensional.

NOTA AKHIR

- ¹ Didapati taburan data bagi pembolehubah tidak bersandar nilai buku ekuiti (NBE), pendapatan bersih per saham (PPS), baki rizab penyamaan keuntungan (RPKbal) dan peruntukan rizab penyamaan keuntungan (RPK_{pro}) mempunyai graf dengan lengkungan berkepencongan positif yang lebih tinggi daripada tahap sederhana berbanding dengan graf taburan normal. Oleh yang demikian, pembolehubah tidak bersandar ini telah diubah suai dengan menggunakan kaedah Logaritma (log10). Bagi pembolehubah tidak bersandar penggunaan rizab penyamaan keuntungan (RPK_{used}), pengubahsuaian dibuat dengan menggunakan kaedah pantul dan songsang (*reflect and inverse*). Ini berikutan dengan graf taburan data yang menunjukkan taburan yang berkepencongan negatif dengan perbezaan yang terlalu ekstrem berbanding dengan graf taburan normal.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Wan Abdul Wahid yang telah memberikan sumbangan idea dan pandangan kepada projek penyelidikan ini. Kami juga berterima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah membantu melalui geran penyelidikan EP-2018-008.

RUJUKAN

- AAOIFI. 2008. Guidance Statements on Accounting for Investment and Amendment in FAS. Bahrain, AAOIFI.
- AAOIFI. 2012. Consultation Paper on Financial Accounting Standard. Bahrain, AAOIFI.
- Ahmed, A.S., Takeda, C. & Thomas, S. 1999. Bank loan loss provisions: Reexamination of capital management, earnings management and signalling effects. *Journal of Accounting and Economics* 28(1): 1-25.
- Ahmed, A.S. & McMartin, A. S. 2013. Income smoothing, investor risk perceptions, and stock price performance in financial crises. Available at <http://areas.kenan-flagler.unc.edu/conferences/2013cfea/Documents/Income%20Smoothing,%20Investor%20Risk%20Perceptions,%20and%20Stock%20Price%20Performance%20in%20Financial%20Crisis.pdf>
- Ahmed, A.S., Kilic, E. & Lobo, G.J. 2006. Does recognition versus disclosure matter? Evidence from value-relevance of banks' recognized and disclosed derivative financial instruments. *Accounting Review* 81(3): 567-588.
- Akerlof, G.A. 1970. The market for 'lemons': Quality uncertainty and the market mechanism. *The Quarterly Journal of Economics* 84(3): 488-500.
- Anandarajan, A., Hasan, I. & McCarthy, C. 2006. The use of loan loss provisions for capital management, earnings management and signalling by Australian banks. Bank of Finland Research Discussion Papers, 23. Available at <http://www.bpf.fi>
- Arrow, K.J. 1972. Some models of racial discrimination in the labor market. In *Racial Discrimination in Economic Life*, edited by A. H. Pascal. Lexington, MA, Heath.
- Baboukardos, D. & Rimmel, G. 2016. Value relevance of accounting information under an integrated reporting approach: A research note. *Journal of Accounting and Public Policy* 35(4): 437-452.
- Ball, R. & Brown, P. 1968. An empirical evaluation of accounting income numbers. *Journal of Accounting Research* 6(2): 159-178.
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Syariah Resolution in Islamic Finance*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2011. *Guidelines on Profit Equalization Reserve*. BNM/RH/GL 008-12. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia
- Beattie, V., Brown, S., Ewer, D., John, B., Manson, S., Thomas, D. & Turner, M. 1994. Extraordinary items and income smoothing: A positive accounting approach. *Journal of Business Finance and Accounting* 21(6): 791-811.
- Beaver, W.H. & Ryan, S. 1985. How well do Statement No. 33 earnings explain stock returns? *Financial Analysts Journal* 41(5): 66-71.
- Beaver, W.H. 2002. Perspectives on recent capital market research. *The Accounting Review* 77(2): 453-474.
- Beisland, L.A. 2009. A review of the value relevance literature. *The Open Business Journal* 2(1): 7-27.
- Belkaoui, A. & Kahl, A. 1978. Corporate financial disclosure in Canada. (*CCGAA Research Monograph*).
- Bergstresser, D. & Philippon, T. 2006. CEO incentives and earnings management. *Journal of Financial Economics* 80(3): 511-529.
- Chang, H.L., Chen Y.S., Chi, W.S. & Chang, Y.W. 2008. The relationship between stock price and EPS: Evidence based on Taiwan panel data. *Economics Bulletin* 3(30): 1-12.
- Chourou, L. 2014. Does religiosity matter to value relevance? Evidence from U.S Banking. *Unpublished PhD Dissertation*, Queen's University (Canada).
- Cooper, D.R. & Schindler, P.S. 2001. *Business Research Methods*. 7th Edition. Singapore: McGraw Hill International Editions.
- Dacorogna, M.M., Albrecher, H., Moller, M. & Sahiti, S. 2013. Equalization reserves for natural catastrophes and shareholder value: A simulation study. *European Actuarial Journal* 3(1): 1-21.
- Davidson, S., Stickney, C.P. & Weil, R.L. 1987. *Accounting: The Language of Business*. 7th Edition. Sun Lakes, Ariz: T.Horton.
- Dhaliwal, D.S., Gleason, C.A. & Mills, M.L. 2004. Last-chance earnings management: Using the tax expense to meet analysts' forecasts. *Contemporary Accounting Research* 21(2): 431-459.
- Easton, P. & Harris, T. 1991. Earnings as an explanatory variable for returns. *Journal of Accounting Research* 29(1): 19-36.

- Elbakry, A.E., Nwachukwu, J.C., Abdou, H.A. & Elshandidy, T. 2017. Comparative evidence on the value relevance of IFRS-based accounting information in Germany and the UK. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation* 28: 10-30.
- Fama, E.F. 1970. Efficient capital markets: a review of theory and empirical work. *The Journal of Finance* 25(2): 383-417.
- FASB. 1980. Statement of Financial Accounting Concepts No. 2: Qualitative Characteristics of Accounting Information. *Financial Accounting Standards Board, Connecticut 06856*. FASB.
- Feltham, G. & Ohlson, J. 1995. Valuation and clean surplus accounting for operating activities. *Contemporary Accounting Research* 11(2): 689-731.
- Gujarati, D.N. 2004. *Basic Econometrics*. 4th Edition. New York, McGraw-Hill.
- Hassan, M.S. & Mohd. Saleh, N. 2010. The value relevance of financial instruments disclosure in Malaysian firms listed in the main board of Bursa Malaysia. *Journal of Economics and Management* 4(2): 243-270.
- Holthausen, R.W. 1990. Accounting method choice: Opportunistic behaviour, efficient contracting and informativeness perspectives. *Journal of Accounting and Economics* 12(1-3): 207-218.
- Htay, S.N.N. & Ahmed Salman, S. 2013. Practice of profit equalization reserve and investment risk reserve by Islamic bank. *International Journal of Research in Social Science* 2(2): 15-19.
- IASB. *Conceptual Framework for Financial Reporting*. London: International Accounting Standard Board.
- Ismail, A.G & Tan Be Lay, A. 2002. Bank loan portfolio composition and the disclosure of loan loss provisions: Empirical evidence from Malaysian banks. *Asian Review of Accounting* 10: 147-162.
- King, R.D. & Langli, J.C. 1998. Accounting diversity and firm valuation. *The International Journal of Accounting* 33(5): 529-567.
- Kothari, S.P. 2001. Capital markets research in accounting. *Journal of Accounting and Economics* 31(1-3): 105-231.
- Kousenidis, D.V., Negakis, C.I. & Papanastasiou, I. 2003. The value relevance of earnings and income smoothing: Greek evidence on causality effects. *European Research Studies Journal* 6(3-4): 85-94.
- Kousenidis, D.V., Ladas, C.A. & Negakis, C.I. 2010. Value relevance of accounting information in the pre- and post-IFRS accounting periods. *European Research Studies Journal* XIII(1): 143-152.
- Kwon, G.J. 2009. The value relevance of book values, earnings and cash flow: Evidence from South Korea. *International Journal of Business Management* 4(10): 28-42.
- Landsman, W.R. & Maydew, A. 2002. Has the information content of quarterly earnings announcement declined in the past three decades? *Journal of Accounting Research* 40(3): 797-808.
- Landsman, W.R. 2007. Is fair value accounting information relevant and reliable? Evidence from capital market research. *Accounting and Business Research* 37(Special Issue): 19-30.
- Lau, A. 1992. Voluntary financial disclosure by Hong Kong listed companies. *Hong Kong Manager*. Issue May/June. 10-19.
- Lev, B. 1989. On the usefulness of earnings and earnings research: Lessons and directions from two decades of empirical research. *Journal of Accounting Research* 27(Supplement): 153-192.
- Lourenco, I.C., Branco, M.C., Curto, J.D. & Eugénio, T. 2013. How does the market value corporate sustainability performance. *Journal of Business Ethics* 108(4): 417-428.
- Maditinos, D.I., Sevic, Z., Theriou, N.G. & Tsinani, A.V. 2007. Individual investors' perception towards dividends: The case of Greece. *International Journal of Monetary Economics and Finance* 1(1): 19-31.
- Malaysian Institute of Accountant – FRISIC. 2007. Current practice of profit equalization reserve by Malaysian Bank. FRISIC Issue 18/2007. Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Accountants.
- Malaysian Institute of Accountant. 2010. Convergence. How does it impact auditors. Available at <http://www.audit.gov.my/.../pdf/.../ceramah%20eksekutif%20bil%201.pdf>. (2012, March 22)
- Misnan, F.N. & Ahmad, W. 2011. Loan loss provision: Evidence from Malaysian Islamic and Conventional Banks. *International Review of Business Research Papers* 7(4): 94-103.
- Nejad, M.Y., Embong, Z. & Ahmad, A. 2014. Value relevance of other comprehensive income. *International Management Accounting Conference* 7. December.
- Ou, J.A. & Penman, S.H. 1989. Accounting measurement, price – Earnings ratio, and the information content of security prices. *Journal of Accounting Research* 27(3): 111-144.
- Pallant, J. 2010. *SPSS Survival Manual*. 4th Edition. New York: McGraw-Hill.
- Preinreich, G.A.D. 1938. Annual survey of economic theory, the theory of depreciation. *Econometrica* 6(3): 219-241.
- Tabachnick, B.G. & Fidell, L. S. 2007. *Using Multivariate Statistics*. New York: Allyn and Bacon.
- Taktak, N.B. 2011. The nature of smoothing returns practices: The case of Islamic banks. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 2(2): 142-152.
- Taktak, N.B., Zouri S.S. & Boudriga, A.K. 2010. Do Islamic banks use loan loss provision to smooth their results? *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 1(2): 114-127.
- Watts, R.L. & Zimmerman, J.L. 1986. *Positive Accounting Theory*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Whelan, C. 2004. *Impact of earnings management on the value-relevance of earnings and book value: A comparison of short-term and long-term discretionary accruals*. Unpublished PhD Thesis, ePublications@bond, Faculty of Business.

Temson Tunick
 Jabatan Perdagangan
 Politeknik Kota Kinabalu
 No. 4, Jalan Politeknik
 88460 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.
 E-Mel: temson@polikk.edu.my

Norman Mohd Saleh (penulis koresponden)
 Pusat Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE)
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
 E-Mel: norman@ukm.edu.my

APENDIKS 1

Kaedah perakaunan bagi Rizab Penyamaan Keuntungan

- i. Peruntukan RPK
 - Dr Peruntukan RPK (penyata pendapatan)
 - Cr RPK (penyata kedudukan kewangan)
- ii. Penggunaan RPK
 - Dr RPK (penyata kedudukan kewangan)
 - Cr Deposit diterima (penyata pendapatan)

Merujuk kepada kaedah perekodan perakaunan ini, baki RPK diiktiraf sebagai liabiliti dan dikelaskan sebagai lain-lain tanggungan (*other liabilities*) dalam penyata kedudukan kewangan, manakala peruntukan RPK pula diklasifikasikan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan. Kaedah pelaksanaan ini juga tidak mengasingkan dengan jelas peruntukan RPK pelabur serta peruntukan RPK pihak Mudharib. Pengasingan ini perlu kerana peruntukan RPK bagi kedua-duanya dibuat dengan mengambil sebahagian daripada keuntungan sebelum agihan yang mana kedua-dua pihak pelabur dan pihak Mudharib mempunyai kepentingan bersama. Pengasingan ini juga penting kerana RPK pelabur perlu dipulangkan semula kepada pelabur yakni melibatkan aliran keluar dana pada masa akan datang, manakala RPK Mudharib pula akan hanya dipindahkan ke dalam rizab ekuiti dan tidak melibatkan aliran keluar dana dari institusi. Oleh yang demikian, kaedah pelaksanaan ini telah dipersoalkan oleh beberapa pihak seperti Jawatankuasa Implementasi Piawai Pelaporan Kewangan (FRSIC) MIA.

Justeru itu, pada Mac 2010 BNM mengambil inisiatif untuk menilai semula isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan RPK serta kesejajarannya dengan pemakaian wajib Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS). Hasil daripada penilaian semula tersebut beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pihak BNM sendiri iaitu, pewujudan RPK hendaklah direkodkan sebagai debit pada akaun penyata pendapatan komprehensif. Ini kerana ianya tidak memenuhi kriteria pengiktirafan sama seperti perbelanjaan menurut takrifan IFRS. Oleh yang demikian RPK tidak boleh direkodkan sebagai debit dalam penyata pendapatan. Pada masa sama, Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB) pula mencadangkan agar, pewujudan RPK dilaksanakan melalui pemindahan sebahagian daripada pendapatan ditahan (*retained earnings*). Menurut MASB, kaedah ini lebih diterima pakai sebagai kaedah yang patuh pada penerimaan GAAP.

Antara pihak yang telah mempersoalkan pelaksanaan RPK berdasarkan kepada garis panduan Kerangka Kerja Kadar Pulangan BNM tahun 2004 ialah Jawatankuasa Implimentasi Piawai Pelaporan Kewangan (FRSIC) MIA. FRSIC pada tahun 2007, berpendapat bahawa pengiktirafan RPK tidak sepatutnya memberikan kesan terhadap penyata pendapatan kerana ia tidak memenuhi definisi dan kriteria pengiktirafan liabiliti berdasarkan pada Kerangka Kerja Penyediaan dan Pembentangan Penyata Kewangan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia (MASB). Berdasarkan kerangka kerja ini, liabiliti ditakrif

sebagai kewajipan semasa entiti yang terhasil daripada kejadian atau perkara terdahulu, di mana pelunasan kewajipan itu dijangka bakal melibatkan aliran keluar sumber ekonomi entiti tersebut. FRSIC turut berpendapat bahawa definisi, matlamat dan pengiktirafan RPK juga tidak memenuhi definisi liabiliti dan perbelanjaan menurut IFRS 139 – Instrumen Kewangan yang pada masa itu bakal diperkenalkan pada 1 Januari 2010. Selain itu, pewujudan RPK juga tidak memenuhi definisi serta kriteria pengiktirafan peruntukan berdasarkan IFRS 137 – Peruntukan, Liabiliti Kontinjensi dan Aset Kontinjensi, di mana suatu peruntukan atau liabiliti kontinjensi hanya boleh diiktiraf jika;

- i. Perenggan 15(a) – Wujudnya kewajipan semasa kepada entiti yang terhasil daripada perkara atau transaksi yang telah berlaku;
- ii. Perenggan 15(b) – Adanya kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi diperlukan untuk memenuhi kewajipan tersebut;
- iii. Anggaran yang wajar boleh dibuat mengenai jumlah aliran keluar sumber ekonomi untuk memenuhi kewajipan.

Menurut piawai IFRS 137, pengiktirafan peruntukan hanya boleh dibuat jika ketiga-tiga syarat ini telah dipenuhi.

Dalam kes RPK pula, RPK merupakan rizab yang diwujudkan dengan memindahkan pulangan kontrak *Mudharaba* sebelum agihan kepada pihak pengurusan (Mudharib). Oleh sebab itu peruntukan RPK yang dibuat adalah terdiri daripada pulangan kepunyaan pelabur dan pulangan kepunyaan Mudharib atau pengurusan institusi kewangan Islam. MIA-FRSIC berpendapat, RPK pelabur dan RPK kepunyaan Mudharib perlu dipisahkan. Ini kerana, MIA-FRSIC turut berpendapat bahawa peruntukan RPK kepunyaan Mudharib tidak sesuai dikelaskan sebagai liabiliti kerana pemulangan semula RPK kepada pihak institusi itu sendiri tidak melibatkan sebarang aliran keluar sumber ekonomi.

Berikutan pandangan yang diberikan oleh MIA-FRSIC, maka dengan itu pihak BNM telah mengeluarkan panduan baru pelaksanaan RPK pada 1 Julai 2011. Antara perubahan yang signifikan dalam garis panduan pelaksanaan RPK yang baru ialah RPK bagi pelabur dan RPK institusi atau Mudharib adalah diasingkan. RPK bagi pelabur institusi perbankan Islam akan direkodkan sebagai liabiliti dan diiktiraf sebagai kos. Manakala bagi RPK institusi perbankan Islam pula akan dikelaskan sebagai rizab yang berasingan dalam ekuiti dan sebarang pergerakan hanya direkodkan sebagai pergerakan antara akaun-akaun rizab sahaja. Catatan perakaunan bagi transaksi peruntukan dan penggunaan RPK dalam garis panduan baru adalah seperti berikut;

Bagi RPK pelabur

- i. Peruntukan RPK pelabur
 - Dt Peruntukan RPK pelabur (penyata pendapatan komprehensif)

- Cr RPK pelabur (penyata kedudukan kewangan)
- ii. Penggunaan RPK pelabur
 - Dt RPK pelabur (penyata kedudukan kewangan)
 - Cr Deposit diterima (penyata pendapatan komprehensif)

Bagi RPK institusi perbankan Islam (Mudharib)pula;

- iii. Pewujudan RPK institusi perbankan Islam
 - Dt Pendapatan tertahan (penyata perubahan ekuiti)
 - Cr RPK institusi (penyata perubahan ekuiti)
- iv. Penggunaan RPK institusi perbankan Islam
 - Dt RPK institusi (penyata perubahan ekuiti)
 - Cr Pendapatan tertahan (penyata perubahan ekuiti)